

KAJIAN KE ATAS SUBJEK PENDIDIKAN MORAL DALAM MEMBANGUN KURIKULUM PENDEKATAN NEOTERIK BAGI MEMBENTUK GENERASI KALIS MASA DEPAN.

Nurul A'fiffa Binti Che Malek
Abu Zarrin Bin Hj Selamat
Muhammad Aidid Aqli bin Mohd Aini
Nur Suhailah binti Mohammad
(nurulafiffa.na@gmail.com)

Abstrak

Kajian ini bertujuan untuk membangun Kurikulum Pendekatan Neoterik bagi membentuk generasi kalis masa depan. Oleh itu, kajian ini bertujuan untuk mengkaji kelemahan kurikulum KSSR bagi subjek pendidikan moral sedia ada dalam konteks kemenjadian pelajar, mengenal pasti keperluan untuk pelaksanaan DSKN bagi memantapkan DSKP subjek Pendidikan Moral sedia ada dan mengenal pasti pendekatan yang perlu digunakan dalam DSKN bagi subjek Pendidikan Moral. Kajian ini bersifat kualitatif yang melibatkan kaedah pengumpulan data temu bual, kaedah pemerhatian, dan analisis dokumen yang dijalankan di Sekolah Kebangsaan Dato Nan Kaya, Tanjung Malim. Kesimpulan daripada kajian diharapkan bahawa Kurikulum Pendekatan Neoterik dapat memberi impak yang positif bagi melahirkan generasi kalis masa depan.

Kata kunci: Kurikulum Pendekatan Neoterik, Pendidikan Moral

1.0 PENDAHULUAN

Pendidikan moral merupakan antara subjek terpenting dalam membentuk sahsiah dan jati diri pelajar yang mencakupi dari aspek emosi, intelek, rohani dan jasmani seiring dengan Falsafah Pendidikan Negara. Pendidikan Moral bertujuan untuk melahirkan individu yang mempunyai keperibadian yang unggul dan mampu mengaplikasikan nilai-nilai moral dalam kehidupan harian. Pelajar merupakan aset negara yang sangat bernilai. Generasi inilah yang bakal mentadbir negara dengan cemerlang sehingga dikenali di mata dunia. Justeru, semua pihak sewajarnya berganding bahu membantu meningkatkan penguasaan anak-anak terhadap ilmu teknologi semasa dan membolehkan mereka berdaya saing di peringkat global serta mempunyai kalis masa depan. Ia bagi memastikan pendidikan yang diberikan adalah berkualiti untuk melahirkan pelajar kalis masa depan.

Namun, matlamat falsafah pendidikan kebangsaan seolah-olah tidak tercapai sepenuhnya kerana pelajar masih di tahap yang sama iaitu tidak memahami sedalamnya tentang penghayatan dan amalan nilai universal yang terdapat dalam agama serta adat tradisi pelbagai agama. Kurikulum Pendekatan Neoterik merupakan hasil gubahan dan inovasi ke atas Kurikulum Kebangsaan, iaitu Kurikulum Standard Sekolah Rendah (KSSR). Kurikulum Pendekatan Neoterik ini tidak mengubah dokumen-dokumen yang disediakan oleh Kementerian Pendidikan Malaysia. Antara perbezaan Kurikulum Pendekatan Neoterik dengan Kurikulum Kebangsaan adalah, penggabungan beberapa subjek menjadi satu mata pelajaran. Ia juga mempunyai 16 domain untuk mengukur kemenjadian pelajar. Kurikulum Pendekatan Neoterik bermatlamat untuk melahirkan pelajar yang maju dan seimbang dari segi intelek,

rohani, jasmani, emosi dan sosial yang mempunyai kompetensi dalam pelbagai literasi, budaya, keinginan belajar sepanjang hayat dan mempunyai personaliti yang mulia. Pelajar yang dihasilkan ini bukan sahaja menjadi harapan negara, malah mereka juga berupaya menyumbang kepada kemakmuran dan kesejahteraan diri, keluarga, masyarakat, negara dan global. Mereka umpama kalis dengan pelbagai cabaran dan rintangan di masa hadapan (APSM, 2020).

1.1 Latar belakang kajian

Kurikulum merupakan satu dokumen pembelajaran yang telah disediakan oleh Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) dalam membentuk rancangan pengajaran dan pembelajaran di mana kurikulum tersebut akan sentiasa berubah dari semasa ke semasa mengikut peredaran zaman dan waktu. Menurut Neagley & Evan (1992), sesebuah sekolah dan sesuatu institusi pendidikan mempunyai matlamat pendidikan tersendiri untuk mencapai segala ilmu pengetahuan, kemahiran, nilai-nilai dan norma serta unsur kebudayaan dan kepercayaan sesebuah masyarakat dan negara.

Kerajaan telah memperkenalkan Kurikulum Standard Sekolah Rendah (KSSR) secara berperingkat mulai pada tahun 2011. Namun, ia disemak semula untuk menemukan dasar baharu di bawah Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM) 2013 – 2015. Hal ini bertujuan untuk memastikan kualiti yang dilaksanakan di sekolah rendah setanding dengan standard antarabangsa (KSSR 2015). Seterusnya, setiap kurikulum pelajaran telah direalisasikan melalui Dokumen Standard Kurikulum Pentaksiran (DSKP). DSKP merupakan dokumen yang menjadi kewajipan bagi semua guru untuk merancang PDPC dalam kelas agar dapat mempersembahkan PDPC yang lebih menarik dan berkesan kepada pelajar.

DSKP kurikulum Pendidikan Moral bermatlamat untuk membentuk insan berakhlak mulia dan berintegriti yang berpegang kepada nilai universal berasaskan prinsip moral dan menyumbang ke arah perpaduan dan kesejahteraan negara serta masyarakat global. Hal ini demikian kerana KSSR telah menggariskan beberapa elemen utama yang perlu dikuasai oleh pelajar iaitu, komunikasi, kerohanian, sikap, nilai kemanusiaan, keterampilan diri, perkembangan fizikal dan estetika serta sains dan teknologi. Namun, apa yang dapat diamati, pengukuran konsep tersebut seolah-olah tidak selari dengan perkembangan pelajar. Hal ini demikian kerana, PDPC hanya berlaku dalam bilik darjah sahaja dan pelajar tidak. hal ini akan menyebabkan para pelajar tidak dapat mengamalkan dan menghayati nilai-nilai baik yang telah diajar oleh guru ketika dalam kelas. Sebelum hal ini menjadi barah, ia seharusnya ditangani dengan sebaiknya supaya generasi yang akan datang bukan sahaja mempunyai personaliti yang kukuh malah kalis masa depan.

Seterusnya, Pendidikan Abad Ke-21 (PAK21) menekankan tentang perancangan pembelajaran yang rapi. Perancangan ini berdasarkan ketetapan objektif, isi pelajaran, strategi, kejelasan pendekatan serta bahan-bahan pengajaran yang relevan. Aktiviti PDPC yang berpusatkan pelajar seperti teknik-teknik interaktif dalam pembelajaran yang aktif dijadikan sebagai fokus utama dalam proses pendidikan. Hal ini merupakan satu usaha KPM untuk memodenkan kaedah PdP. Seterusnya, kualiti sesuatu pendidikan juga bergantung pada kefahaman serta kompetensi guru dan guru juga merupakan tunjang utama kepada bidang pendidikan (Ramli Abd Samat, 2011). Namun, sebenarnya guru juga mengalami beberapa cabaran sepanjang PDPC dijalankan sehingga menimbulkan permasalahan. Menurut Husni, et al., (2018), antara cabaran yang dihadapi oleh guru adalah guru tidak bebas dalam mengatur dan mempersembahkan PDPC dengan kaedah pengajaran yang lebih kreatif dan dinamik. Hal ini boleh menyebabkan penerimaan PAK21 dalam kalangan pelajar masih di tahap sederhana.

Di Malaysia, Kurikulum Pendekatan Neoterik merupakan dasar kurikulum yang baharu, akan tetapi ia juga diasaskan di atas kurikulum kebangsaan. Kurikulum Pendekatan Neoterik merupakan kaedah gabung jalin antara beberapa subjek menjadi satu mata pelajaran. Kurikulum Pendekatan Neoterik bermatlamat untuk melahirkan pelajar yang bukan sahaja mampu berfikir kreatif dan kritis malah, ia juga dapat melahirkan pelajar yang kalis masa depan. Seterusnya, menurut Russo (2004), seseorang pelajar yang memiliki tahap pemikiran yang tinggi, mereka mampu untuk berfikir secara relevan dan rasional. Oleh hal demikian, apabila pelajar telah memiliki pengetahuan dan gaya berfikir yang kreatif serta kepintaran yang mendalam tentang ilmu akademik mahupun ilmu kehidupan, maka mereka mampu menjadi pelajar yang kalis masa depan dalam mengatasi dan menghadapi segala rintangan mahupun cabaran yang mendatang dalam kehidupan mereka. Hal ini demikian kerana pelajar merupakan generasi yang bakal memimpin negara. Selain itu, golongan ini juga merupakan pencetus kepada satu revolusi kepimpinan negara pada masa depan. Menurut Rosa Susanti (2013), pelajar merupakan aset negara yang sangat bernilai jika mereka memanfaatkan ilmu yang ada dalam kehidupan mereka.

Kurikulum Pendekatan Neoterik mengandungi beberapa elemen penting iaitu elemen Sakralistik (ilmu kerohanian), Ensiklopedik (ilmu berhujah), Ijtihadik (ilmu berfikir) dan Ta'dib (ilmu akhlak) (SEIT). Syed Naquib Al-Attas (1981), ada menjelaskan bahawa pendidikan moden yang bersifat liberal dan sekular tidak memberikan perhatian yang sewajarnya kepada aspek pembentukan akhlak dan rohani yang sihat. Natijah adalah kewujudan dari pengabaian terhadap elemen SEIT akan melahirkan generasi yang mempunyai kepakaran dalam bidang ilmu keduniaan tetapi kurang menghargai akhlak dan agama dalam kehidupan mereka. Manakala menurut pandangan Daisaku Ikeda dalam buku yang bertajuk 'Memilih Kehidupan' yang diterjemahkan oleh Asmah Hj. Omar (1988) beliau berpendapat bahawa agama merupakan asas kehidupan manusia yang mampu memberi kesejahteraan kepada penganut. Hal ini membuktikan bahawa betapa penting unsur keagamaan dalam sesuatu pendidikan. Oleh hal demikian, elemen-elemen kurikulum sebegini harus ditekankan dalam kehidupan pelajar sejak mereka masih kecil lagi supaya generasi yang mendatang, mempunyai jati diri yang mantap, bersifat patriotik, berakhlak mulia dan kalis masa depan.

1.2 Permasalahan Kajian

Pengajaran merupakan satu proses di mana seorang guru mengajar sesuatu pembelajaran kepada pelajar. Guru-guru perlu kreatif mengatur langkah dan strategi yang sesuai untuk menjalankan PdPc bagi menghasilkan pengajaran yang bermutu. Guru-guru juga perlu bijak memilih bahan bantu mengajar agar dapat menarik minat pelajar

Pelbagai masalah dan cabaran wujud dalam melaksanakan PDPC mata pelajaran Pendidikan Moral di sekolah menengah. Mata pelajaran Pendidikan Moral memerlukan pelbagai kaedah dan teknik untuk menyampaikan pengajaran. Namun, pengajaran guru lebih memberi tumpuan terhadap peperiksaan SPM. Kebanyakan guru meminta pelajar menghafal nilai yang terdapat dalam sukatan pelajaran tanpa memberi penekanan keperluan nilai dalam kehidupan pelajar. Guru juga memberitahu pelajar bahawa jika tidak menghafal nilai, mereka akan gagal dalam peperiksaan (See Tho, 2008). Kaedah ini mendorong pelajar mengalami kebosanan terhadap mata pelajaran Pendidikan Moral. Menurut Vishalache (2002), pelajar beranggapan bahawa Pendidikan Moral merugikan masa dan tidak penting.

Seterusnya, pelbagai implikasi yang wujud semasa proses PdPc subjek Pendidikan Moral. Pendidikan Moral juga adalah subjek yang perlu dititikberatkan oleh guru mahupun para pelajar akan tetapi, segelintir guru tidak mengambil serius terhadap mata pelajaran tersebut. Bahkan guru lebih memberi tumpuan terhadap subjek-subjek yang wajib dalam

peperiksaan (Suppiah Nachiappan, et.al, 2017). Seterusnya, PdPc yang kurang bahan bantu mengajar juga boleh menyebabkan pelajar kurang minat dan cepat berasa bosan terhadap subjek Pendidikan Moral. Guru perlulah mencari inisiatif iaitu menggunakan pelbagai kaedah dan teknik untuk mempersembahkan PdPc yang lebih menarik dan berkesan. Selain itu, segelintir pelajar menganggap bahawa mata pelajaran Pendidikan Moral merupakan subjek yang tidak penting dan merugikan (Vishalache, 2002).

Selain itu, kefahaman guru yang mendalam tentang subjek yang akan diajari kepada pelajar merupakan salah satu penguat untuk menambat minat pelajar. Namun, kebiasaannya subjek Pendidikan Moral diajar oleh guru yang bukan dari bidang tersebut. Hal ini mempengaruhi PdPc dalam kelas menjadi hambar kerana guru tersebut hanya berpandukan silibus semata-mata. Seterusnya, sikap pihak pentadbir sekolah menganggap bahawa subjek Pendidikan Moral merupakan mata pelajaran yang tidak penting sehingga membenarkan guru bukan daripada bidang tersebut mengajar. Sikap tidak cakna ini menyebabkan matlamat falsafah pendidikan tidak tercapai. Seseorang guru tidak akan dapat menjalankan PdPc dengan baik jika sekiranya mereka tidak memahami pengertian moral yang sebenar (Abdul Rahman Aroff, 1986).

Selanjutnya, pendidikan Moral yang bermatlamat melahirkan pelajar yang mempunyai akhlak yang terpuji. Akhlak ini bukan sahaja dapat dipraktikkan dalam kelas atau semasa proses PdPc, malah pelajar seharusnya mengaplikasikan dalam kehidupan harian mereka secara konsisten walau di mana mereka berada. Mereka umpama kalis dengan teknologi yang semakin membangun dan peredaran zaman yang semakin moden.

Menurut Mudyaharjo, (2003) menyatakan bahawa pendidikan merupakan pengalaman seseorang belajar secara langsung sepanjang kehidupan mereka. Pendidikan juga boleh ditafsirkan sebagai peristiwa yang mempengaruhi perkembangan seseorang manusia ke arah yang lebih baik. Pendidikan moral merupakan satu mata pelajaran yang mempunyai landasan yang tersendiri iaitu membentuk pelajar mempunyai akhlak yang mulia dan mempunyai moral yang utuh seiring dengan falsafah pendidikan negara. Selain itu, mata pelajaran ini juga merupakan salah satu usaha Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) untuk membentuk dan melahirkan pelajar yang mempunyai perwatakan yang mulia, berpengetahuan yang tinggi serta semangat patriotik yang unggul. Seterusnya, apabila seseorang pelajar mampu mengaplikasikan nilai-nilai moral dan tingkah laku yang positif dalam kehidupan harian mereka secara konsisten, ini bermakna matlamat kurikulum pendidikan moral telah tercapai (Fatimah Ibda 2012).

Namun, saban hari kes jenayah mahupun gejala sosial kian meningkat dari semasa ke semasa. Masalah ini semakin membarah terutamanya dalam kalangan remaja. Hal ini bukan sahaja membimbangkan ibu bapa dan guru-guru malah ia akan memberi impak yang negatif terhadap kredibiliti sekolah sebagai agen kawalan sosial yang seharusnya berfungsi dalam pembentukan sahsiah yang mulia kepada generasi muda (Rozana dan Nor Hashimah, 2005). Tambahan, apabila sesetengah pihak memandang enteng terhadap masalah ini, hal ini berkemungkinan akan menyebabkan pelbagai komplikasi seperti keruntuhan akhlak, kes jenayah yang semakin meningkat dan paling membimbangkan adalah negara akan mengalami kemerosotan. Seterusnya, jika hal ini tidak dibendung sejak awal lagi maka ia akan menjadi semakin parah.

1.3 Objektif kajian

Secara khususnya, objektif kajian ini seperti berikut:

- a) Mengkaji kelemahan kurikulum KSSR bagi subjek Pendidikan Moral sedia ada dalam konteks kemenjadian pelajar.

- b) Mengenal pasti keperluan untuk pelaksanaan DSKN bagi memantapkan DSKP subjek Pendidikan Moral sedia ada.
- c) Mengenal pasti pendekatan yang perlu digunakan dalam DSKN bagi subjek Pendidikan Moral

2.0 METODOLOGI KAJIAN

Metodologi merupakan satu kaedah yang digunakan untuk menjalankan sesuatu kajian penyelidikan (Hornboy 1985). Oleh itu bahagian ini akan meneliti dan membincangkan tentang reka bentuk kajian, sampel kajian, instrumen kajian dan analisis data bagi mendapatkan maklumat berkaitan. Kajian ini menggunakan kaedah gabungan atau mixed methods. Kaedah campuran merupakan satu prosedur pengumpulan analisis data dan menggabungkan kedua-dua kajian iaitu kualitatif dan kuantitatif dalam satu kajian untuk menjawab persoalan-persoalan kajian (Creswell dan Plano Clark, 2007). Seterusnya, dengan menggabungkan dua metode ini, kajian ini mampu meningkatkan kredibiliti sebuah kajian kerana dapatan dari kedua-duanya mempunyai kekuatan masing-masing. Hal ini juga dapat memperkukuhkan lagi dapatan kajian.

2.1 Kaedah Kualitatif

Reka bentuk kualitatif merupakan suatu kajian ke atas sesuatu situasi dan individu untuk mendapatkan maklumat secara terperinci serta mendalam. Penyelidikan kualitatif melibatkan kepelbagaian kaedah secara terfokus, termasuk penggunaan pendekatan naturalistik (semula jadi) untuk menyelidik sesuatu tajuk (Denzin dan Lincoln, 1994). Seterusnya kaedah kualitatif juga menggunakan fakta, pernyataan, ulasan, tanggapan, persepsi dan seumpamanya. Melalui kaedah ini pengkaji dapat mengkaji secara mendalam fenomena yang berlaku dalam pengkajian secara realiti. Selain itu, metode utama yang digunakan oleh pengkaji dalam kajian ini adalah temu bual bagi mendapatkan maklumat yang khusus dalam mengumpul maklumat.

2.2 Temu bual

Temu bual ialah proses memperoleh maklumat dengan menemui sampel kajian secara berhadapan. Menurut Sufean Hussin (2016), menyatakan bahawa temu bual boleh didefinisikan dengan pengkaji membentuk hubungan sosial dengan individu yang lain untuk mendapatkan sesuatu maklumat mahupun data. Temu bual perlu dilakukan dengan perseorangan antara pengkaji dan seorang sampel. Namun, temu bual juga boleh melibatkan lebih daripada seorang pada satu masa (Noraini Idris 2013). Seterunya, reka bentuk kajian ini dapat memberikan gambaran yang kukuh tentang kelemahan dan kekurangan dalam DSKP. Pengkaji memilih 8 orang responden iaitu 2 orang responden dari guru lelaki dan 2 orang responden dari guru perempuan yang mengajar subjek Pendidikan Islam dan Pendidikan Moral. Selebihnya, pengkaji memilih 2 orang responden dalam kalangan bapa dan 2 orang responden dalam kalangan ibu pelajar darjah satu.

2.3 Pemerhatian

Kaedah pemerhatian merupakan satu kaedah penyelidikan yang digunakan untuk mengukur pemboleh ubah penyelidikan. Dengan menggunakan kaedah ini pengkaji akan mendapat data

secara langsung. Justeru, kaedah ini terbahagi kepada dua iaitu pemerhatian secara terus (Direct observation) dan Pemerhatian melalui penglibatan (Participant-observation). Teknik ini biasanya tidak melibatkan komunikasi antara pengkaji dengan responden. Kaedah pemerhatian melalui penglibatan pula berasal dari bidang antropologi iaitu kajian tentang kehidupan masyarakat. Pengkaji akan melibatkan diri dengan kelompok masyarakat yang hendak dikaji bagi mendalami sesuatu kajian yang berkaitan dengan masyarakat tersebut (Kamarul Azmi 2012). Pengkaji menggunakan pemerhatian secara terus ke atas teknik pengajaran guru dan keadaan pelajar-pelajar ketika sesi PDPC dijalankan di dalam kelas.

3.0 KESIMPULAN

Pendidikan merupakan satu usaha untuk membantu manusia mempunyai karakter yang berintegriti dan bermoral. Kurikulum pendidikan moral bermatlamat untuk mendidik seseorang individu mempunyai peribadi dan sahsiah yang mulia dan mampu menyumbang ke arah kesejahteraan bukan sahaja kepada negara akan tetapi kepada masyarakat global (KSSR).

Dengan wujudnya Kurikulum Pendekatan Neoterik, diharapkan ia akan dapat melahirkan pelajar yang maju dan seimbang dari segi intelek, rohani, jasmani, emosi dan juga sosial. Seterusnya, dengan adanya Kurikulum Pendekatan Neoterik, ia mampu melahirkan generasi yang berkualiti serta mampu menyumbang kepada kemakmuran dan kesejahteraan diri, keluarga, masyarakat, negara dan juga dunia di samping mampu berdepan dengan pelbagai pancaroba mengikut peredaran zaman.

4.0 BIBLOGRAFI

- Salmianti Binti Mutalib (2013), Tinjauan Kecenderungan Keusahawanan Dalam Kalangan Pelajar Di Institusi Pengajian Tinggi Awam
- Abdul Muhsien Bin Sulaiman (2013), Peranan Guru Pendidikan Islam Dalam Pembentukan Akhlak Murid Dari Aspek Hubungan Guru-Murid Berasaskan Abu Talib Al-Makki (W.386h/996m)
- Rosa Susanti (2013), Penerapan Pendidikan Karakter Di Kalangan Mahasiswa, *Jurnal Al-Ta'lim, Jilid 1*.
- Che Amah @ Asmah Binti Saleh (2016), Kajian Mengenai Hubungan Di Antara Kecerdasan Emosi Dan Prestasi Kerja Guru: Kajian Kes Di Sk Seksyen 20, Shah Alam
- Mohamad Zahir Zainudin¹, Roziah Omar², Mohd Fauzi Kamarudin¹kaedah Gabungan (Mixed Methods) Dalam Kajian Pembasmian Kemiskinan Di Malaysia Dan Indonesia: Pengalaman Penyelidikan
- Kamarul Azmi Jasmi (2012), Metodologi Pengumpulan Data Dalam Penyelidikan Kualitatif
- Mohd Fuad Othman, Mohd. Aderi Che Noh, Maimun Aqsha Lubis, Wan Nurul Syuhada' Wan Hassan (2017), Pendidikan Rohani Berasaskan Sains Al-Quran, *Volume 1(1) January 2017, 64-77*.
- Norfazila Binti Abdul Malik (2013), Penerapan Ciri-Ciri Guru Berkesan Dalam Proses Pengajaran Dan Pembelajaran Semasa Latihan Mengajar Dalam Kalangan Pelajar Sarjana Uthm
- Mohamad Sattar Rasula, Nur Farhana Waheeda Ramlia Rose Amnah Abd Rauf (2013), Pembentukan Karektor Pelajar Kreatif Mengikut Teori Sternberg: Suatu Analisis Kandungan dan Pembangunan Kerangka Konseptual, *eISSN 2180-3722 / ISSN 0127-9696*

- Che Zanariah Che Hassan Dan Fadzilah Abd Rahma Pelaksanaan Pengajaran Dan Pembelajaran Kemahiran Menulis Di Sekolah Rendah, *Issn: 2180-4842, Vol. 1, Bil. 1 (Mei 2011): 67-87*
- Tamam Timbang, Zamri Mahamod, Afendi Hamat (2011), Aktor Dan Kesan Masalah Membaca Dalam Kalangan Murid Sekolah Rendah Kerajaan Di Brunei Darussalam, *Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu 89, ISSN: 2180-4842, Vol. 1, Bil. 1 (Mei 2011): 89-107*
- Sh. Siti Hauzimah Wan Omar (2018), Pengetahuan, Kemahiran, Sikap Dan Masalah Guru Dalam Melaksanakan Pentaksiran Bilik Darjah Bahasa Melayu Di Sekolah Rendah, *ISSN: 2180-4842. Vol. 9, Bil. 1 (Mei 2019): 56-67*
- Fatimah Ibda (2012), Pendidikan Moral Anak Melalui Pengajaran Bidang Studi Ppkn Dan Pendidikan Agama, *Jurnal Ilmiah DIDAKTIKA Februari 2012 VOL. XII NO. 2, 338-347*
- Kakom St. Komariah (2011), Model Pendidikan Nilai Moral Bagi Para Remaja Menurut Perspektif Islam, *Jurnal Pendidikan Agama Islam – Ta’lim Vol. 9 No. 1 – 2011*
- Baharom Mohamad, Ali Suradin, Za’aba Helmi Khamisan (2008), Peranan Pendidikan Islam Dan Pendidikan Moral Dalam Membina Sahsiah Pelajar Berkualiti. *Persidangan Pembangunan Pelajar Peringkat Kebangsaan 2008, Universiti Teknologi Malaysia, 22-23oktober 2008*
- Mohamad Sattar Rasul, Nur Farhana Waheeda Ramlia, Rose Amnah Abd Rauf (2013), Pembentukan Karektor Pelajar Kreatif Mengikut Teori Sternberg: Suatu Analisis Kandungan dan Pembangunan Kerangka Konseptual, *63:1 (2013) 7-15*
- Suppiah Nachiappan, Barathy Sinnasamy Dan Sandra Suffian (2017), Masalah Dalam Pengajaran Dan Pembelajaran Pendidikan Moral Di Sekolah Menengah Dan Penyelesaian Masalah Melalui Kaedah Hermeneutik, *58Journal Of Research, Policy & Practice Of Teachers & Teacher Educationvol.7, No. 2, December2017, 58-6*